

InfoINDUSTRI

Isu 05 | 31 Julai 2012



Jana Pendapatan...
dari Madu!

Menyemarakkan Bulan
Suci Ramadhan

Sidang Kemuncak di Siberia



Sarang Kelulut

Madu dan produk-produk sampingan madu yang dihasilkan oleh lebah Kelulut dipercayai mengandungi banyak nutrien dan ciri-ciri perubatan.

Jana Pendapatan... dari Madu!

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) melalui Jabatan Perhutanan telah menganjurkan Bengkel Penghasilan Madu Kelulut pada hari Selasa, 17 Julai 2012 di Pusat Standard Kebangsaan, Sinaut, Tutong. Hadir bersama tetamu kehormat di bengkel tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Hadir sama ialah Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan KPSSU. Secara keseluruhan, 34 orang telah mengambil bahagian dalam bengkel ini, termasuk ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung dari Daerah Tutong (MPK Kiudang, MPK Menengah

& Bukit Sulang dan MPK Pad Nunok) dan dari Daerah Belait (MPK Merangking, MPK Labi I, MPK Labi II & MPK Sukang).

Bengkel sehari itu, yang dikendalikan oleh seorang tenaga pengajar dari Negara Malaysia yang pakar dalam aktiviti penghasilan madu Kelulut, bertujuan untuk menunjukkan penduduk tempatan terutamanya dari kawasan luar bandar bagaimana cara menghasilkan madu dari lebah Kelulut (*Apis trigona*), sekaligus membuka peluang untuk mereka meraih sumber pendapatan alternatif bukan berasaskan kayu. Pengetahuan yang disampaikan dari bengkel ini juga akan memberi manfaat tertentu kepada penduduk yang berpendapatan rendah dalam mencari cara untuk menambahkan pendapatan mereka.



... bersambung ke muka surat 2



“ Kegiatan perekonomian berasaskan sumber asli alam semulajadi seperti penghasilan madu ini dan kaedah ‘agro-forestry, agro-fishery, silvo-pastoral’ diiktiraf dan digalakkan oleh masyarakat global sebagai kegiatan yang mesra alam, berdayatahan malahan juga dianjurkan sebagai salah satu cara atau kaedah ‘mitigation and adaptation against climate change’.”

Yang Mulia Dyg Hj Hasnah bte Ibrahim,
Timbalan Setiausaha Tetap, KPSSU



Jana Pendapatan... dari Madu!

dari muka surat 1 ...

Semasa bengkel, para peserta telah diperkenalkan kepada asas pembiakan lebah, seperti: mencari sumber madu lebah, lokasi yang sesuai untuk ladang atau haif lebah, garis panduan keselamatan pengendalian lebah (sekiranya telah disengat), cara yang betul menghampiri haif, penyelenggaraan sarangnya, produk lebah seperti propolis, roti lebah (debunga) dan madu, proses pengumpulan madu dan debunga, dan anggaran hasil pendapatan daripada produk-produk lebah.

Madu dan produk-produk sampingan madu yang dihasilkan oleh lebah Kelulut dipercayai mengandungi banyak nutrien dan ciri-ciri perubatan. Misalnya propolis, boleh digunakan untuk melegakan keadaan seperti radang, penyakit-penyakit virus dan ulser serta meningkatkan kesihatan jantung dan menguatkan sistem imun. Satu kajian oleh Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) telah membuktikan bahawa debunga lebah dapat menguatkan hempedu, fungsi hati, otot, mata, dan juga boleh meningkatkan

keaktiviti dan imaginasi seseorang. Lebah Kelulut, biasanya ditemui dalam hutan yang bersarang di dahan-dahan yang dipotong atau kayu-kayu balak, juga mudah untuk diternak dan membiak di dalam kurungan berbanding dengan lebah madu biasa.

Bengkel ini juga secara tidak langsung mendokong program ‘Satu Kampung, Satu Produk’, yang pada masa ini sedang giat diungkapkan dan dipromosikan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Menyemarakkan Bulan Suci Ramadhan

Sepertimana kelazimannya setiap kali datangnya Bulan Ramadhan, pelbagai aktiviti amal dan keagamaan diadakan oleh pihak-pihak tertentu bagi tujuan menyemarakkan lagi bulan ini, di samping mengambil peluang menggandakan pahala dengan melakukan perkara-perkara yang dianjurkan dalam Islam.

KPSSU juga tidak ketinggalan merencanakan beberapa program keagamaan untuk sepanjang bulan suci ini dengan mengadakan tadarus Al-Quran setiap hari (bermula pada jam 8.00 pagi dan disambungkan pada waktu petang selepas sembahyang fardhu Zuhur), sesi ceramah pada setiap hari Isnin dan bacaan Ratib Al-Attas pada setiap hari Khamis selepas sembahyang fardhu Zuhur berjemaah di surau kementerian itu.

... bersambung ke muka surat 3



Sidang Kemuncak di Siberia



Menteri-Menteri Pelancongan APEC berkumpul di Khabarovsk, Rusia, pada 21 ke 24 Julai 2012 untuk menghadiri Mesyuarat Kumpulan Kerja Pelancongan APEC yang ke 41 (41st APEC Tourism Working Group Meeting - TWG41) dan Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ke-7 (7th Tourism Ministerial Meeting - TMM7).

Dengan tema "Integrate to Grow, Innovate to Prosper," mesyuarat tersebut, yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Alexander Radkov, Ketua Agensi Persekutuan untuk Pelancongan, Kementerian Kebudayaan Persekutuan Rusia, menggalakkan negara-negara anggota mengambil langkah-langkah konkrit untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan di rantau Asia-Pasifik dan untuk bertindak balas kepada cabaran ekonomi dan kewangan global.

Forum tersebut telah dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Awg Hj Haini bin Hj Hashim, Duta 'Extraordinary and Plenipotentiary' kepada Persekutuan Rusia (bagi pihak Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama), dan Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Yang Mulia Awg Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos.

Semasa forum, Tuan Radkov:

1. Menekankan tentang kepentingan

pelancongan dan pengembaraan sebagai enjin pertumbuhan dan kemakmuran di rantau APEC, dan sebagai jentera untuk mewujudkan peluang pekerjaan;

2. Mengambil maklum secara serius terhadap pelaksanaan cukai-cukai berkaitan penerbangan yang boleh memberi implikasi negatif kepada industri pelancongan;

3. Mengesahkan Garis Panduan APEC mengenai Jaminan Keselamatan Pelancong (APEC Guidelines on Ensuring Tourist Safety) - menyediakan maklumat tentang amalan terbaik kepada negara-negara anggota, untuk merangka langkah-langkah ke arah meningkatkan perlindungan untuk pelancong di dalam dan di luar negara;

4. Menyentuh mengenai pelancaran Inisiatif Pemudahan Perjalanan APEC (TFI), yang mempunyai matlamat mempercepatkan pergerakan pelancong di seluruh rantau Asia Pasifik, membolehkan perjalanan yang lebih cekap, lebih selamat dan kurang tekanan;

5. Mengiktiraf kepentingan menilai hubungan udara di rantau Asia Pasifik, liberalisasi perkhidmatan pengangkutan udara dan pengukuran kesan seterusnya

ke atas aliran pelancong di rantau ini;

6. Mengiktiraf kerja-kerja yang dilakukan oleh Menteri Pelancongan Negara-Negara G20, yang diketuai oleh Negara Mexico, dan menggalakkan ekonomi APEC untuk melaksanakan proses memudahkan perjalanan sebagai saluran untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan perkembangan ekonomi;

7. Menggalakkan ekonomi APEC untuk terus melaksanakan aktiviti-aktiviti pelancongan yang mampan dan menggalakkan pelaburan dalam pelancongan yang mampan termasuk eko-pelancongan dan pelancongan kebudayaan;

Keputusan Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan APEC kali ke-7 akan dilaporkan semasa Mesyuarat Pemimpin APEC 2012 di Vladivostok pada 8 - 9 September.

“ Kami mengakui kepentingan perjalanan kepada perkembangan industri pelancongan kami. Sebagai sebuah ekonomi yang bersaiz kecil, Negara Brunei Darussalam berasa bimbang mengenai kesan besar pelancongan ke atas kemampuan dan kesejahteraan bio-diversiti kami. Dengan ini, saya ingin mengambil pengajaran dan amalan terbaik di kalangan negara anggota APEC sambil menggesa untuk meningkatkan dan mengukuhkan lagi program-program yang berkaitan dengan penilaian impak pelancongan terhadap alam sekitar dan bio-diversiti ke dalam aliran utama program pelancongan APEC dan inisiatif. ”

Tuan Yang Terutama, Awg Haji Haini bin Hj Hashim Duta 'Extraordinary and Plenipotentiary' kepada Persekutuan Rusia, bagi pihak Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Menyemarakkan Bulan Suci Ramadhan

dari muka surat 2 ...



Hadir mengetuai aktiviti-aktiviti berkenaan ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar.

Aktiviti-aktiviti seperti ini yang telah dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan dan Kewangan merupakan aktiviti keugamaan tahunan bagi meningkatkan lagi penghayatan beribadah serta menyemarakkan lagi amalan hidup beragama di bulan suci Ramadhan. Selain itu, ia menjadi wadah bagi menjalin hubungan silaturahim dan ukhuwah di kalangan pegawai dan kakitangan kementerian ini.



Diari KPSSU

JUL
12

Kunjungan Hormat

Turut hadir semasa kunjungan itu ialah Setiausaha Tetap KPSSU, Yang Mulia Dyg Hjh Normah Suria Hayati bte Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Hj Awg Mohd Jamil Al-Sufri, dan Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU (Pembangunan Industri dan Keusahawanan), Yang Mulia Awg Mohd Riza bin Dato Paduka Hj Mohd Yunos.



Menteri Ekonomi Mexico, Tuan Yang Terutama Bruno Ferrari telah membuat kunjungan hormat kepada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar.



JUL
13

Pesta Jualan Ikan!

Satu pesta penjualan hasil-hasil produk perikanan telah dianjurkan oleh Jabatan Perikanan, KPSSU pada 13, 14 dan 16 Julai 2012 di Kompleks Pendaratan Ikan, Muara. Ini adalah kali kedua pesta jualan itu diadakan pada tahun 2012 dan yang kelapan sejak ia mula dianjurkan pada Mei 2009. Tiga pengusaha dalam bidang akuakultur, lima dalam industri tangkapan dan 14 pengusaha dalam bidang pemrosesan telah menyertai acara jualan ini.

Acara tersebut bermula dari pukul 8.00 pagi sehingga 5:00 petang semasa tiga hari yang ia dijalankan, kecuali hari Jumaat di mana terdapat rehat dari jam 11.00 pagi hingga 2.00 petang. Makanan laut segar seperti udang, sotong, dan pelbagai spesies ikan hidup, produk makanan laut diproses, keropok makanan laut dan belacan telah dijual pada pesta tersebut.



Penjualan tersebut, yang dianjurkan atas permintaan pengusaha-pengusaha perikanan supaya Jabatan Perikanan menganjurkan acara seperti itu secara lebih kerap, bertujuan membantu pengusaha pasaran tempatan dan mempromosikan produk perikanan mereka, dan juga untuk menggalakkan orang ramai untuk memakan lebih banyak ikan dan hasil perikanan, yang kaya dengan nutrisi.



OGOS
12

Menjaminan Kebersihan Lautan

"Ekspo Yeosu Korea 2012" yang diadakan di Korea Selatan, di mana Negara Brunei Darussalam telah mengambil bahagian, akan berakhir pada 12 Ogos 2012. Ekspo tersebut, yang bermula pada 12 Mei 2012, mempunyai tema: 'Living Ocean and Coast', manakala pavilion Negara Brunei Darussalam bertema 'Forest to Reefs: Sustainable Biodiversity' - menonjolkan keunikan dan kekayaan biodiversiti darat dan marin Negara Brunei Darussalam, dan langkah yang diambil untuk memelihara biodiversiti ini tanpa mengorbankannya atas nama pembangunan ekonomi.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam ekspo ini dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dengan



kerjasama beberapa agensi lain termasuk Jabatan Kemajuan Pelancongan, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perhutanan, KPSSU. Mewakili dan mengetuai KPSSU di ekspo tersebut ialah Yang Mulia Dyg Hjh Hasnah bte Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU.

